

SEPANJANG RAMADAN : PROGRAM KETUK-KETUK RAMADAN 1444H INSTUN

Sepanjang bulan Ramadan 1444H, sejumlah empat (4) siri Ketuk-Ketuk Ramadan telah dianjurkan oleh Seksyen Hal Ehwal Islam dengan kerjasama dari semua bahagian di INSTUN, Kelab INSTUN, PUSPANITA INSTUN dan tidak ketinggalan juga tajaan rempah ratus istimewa dari Syarikat Adabi.

Pelbagai menu Ramadan telah disediakan iaitu Bubur Jagung, Bubur Pulut Hitam, Bubur Cha-Cha dan Bubur Lambuk. Siri 4 Ketuk-Ketuk Ramadan telah diakhiri dengan penyediaan Biskut Raya Cornflakes Crunchy istimewa dari Bahagian Pentadbiran dan Kewangan INSTUN.

Dalam bulan Ramadan, kita sebagai umat Islam digalakkan untuk mengikuti salah satu sunnah Baginda SAW iaitu memberi makan kepada orang yang berpuasa. Imam Izzuddin Al Izz bin Abd al-Salam ada menjelaskan tentang kelebihan memberi makan kepada orang yang berpuasa:

"Sesiapa yang memberi makan kepada 36 orang yang berpuasa dalam sepanjang tahun, maka dia akan mendapat pahala berpuasa selama setahun."

[Rujukan: Maqasid al-Saum, Izz Abd al-Salam (Hlm. 18)]

Allah SWT telah menjanjikan 10 ganjaran pahala buat hambaNya yang berbuat kebaikan, berdasarkan surah Al-An'am ayat ke-160 yang bermaksud:

أَنْتَلَهَا عَشْرُ فَلَهُ بِالْحَسَنَةِ جَاءَ مَنْ

Maksudnya: "Sesiapa yang melakukan suatu kebaikan maka baginya sepuluh ganjaran pahala..."

INSTUN mendoakan mudah-mudahan setiap amalan, sumbangan tenaga dan wang ringgit yang diberikan warga INSTUN sepanjang program ini menjadi asbab untuk kita semua dimasukkan ke syurga ALLAH SWT kelak.



